

Media : Kosmo

Date : 15 March 2024



AJINOMOTO aktif meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya mengamalkan hidup sihat termasuk juga kempen penggalakan bersahur dalam bulan Ramadan. –GAMBAR HIASAN

Ajinomoto anjur kempen tingkat kesedaran kepentingan bersahur

PETALING JAYA – Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB) menganjurkan Kempen Bersahur Bersama Seri-Aji 2024 bertujuan untuk merevolusikan penyediaan sahur menjadi pengalaman berharga, cepat dan melazatkan sepanjang bulan Ramadan ini.

Kempen itu juga dilihat sebagai usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bersahur pada bulan Ramadan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat.

“Semasa kempen ini, AMB juga akan mengedarkan pek produk yang dapat memberi manfaat kepada 25,000 isi rumah di 20 lokasi PPR berbeza di seki-

tar Lembah Klang.

“Kami berharap dengan langkah ini dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan sahur dengan pilihan hidangan yang seimbang dan ringkas,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

AMB menjelaskan, terdapat beberapa aktiviti menarik yang akan dianjurkan di PPR Seri Alam Fasa 2 dan Dewan PPR Lembah Subang 2.

Antaranya adalah demonstrasi masakan secara langsung, pengedaran makanan, permainan, aktiviti seni pasir dan cabutan bertuah.

Kempen Bersahur Bersama

Seri-Aji 2024 ini akan bermula pada 14 Februari hingga 9 April 2024 dengan slogan Konfem Senang, Konfem Sedap.

Melalui program tersebut, peserta berpeluang memenangi pelbagai hadiah bernilai RM20,000 dalam peraduan Beli & Menang.

Hadiah termasuk hadiah utama Bar Emas seberat 5 gram untuk lima pemenang bertuah, berserta hadiah mingguan TnG e-Dompot bernilai RM11,000 secara keseluruhan.

Untuk menyertainya, pelanggan hanya perlu membeli produk Seri-Aji bernilai RM6 dan sudah melayakkan anda untuk menyertai peraduan tersebut.